

ABSTRAK

Kawalan Dalaman merupakan antara faktor penting yang akan menentukan kejayaan atau kepincangan dalam pengurusan sesuatu Tabung Perkhidmatan. Kawalan dalaman yang berkesan akan dapat menghindar berlakunya kepincangan dalam pengurusan sesuatu Tabung Perkhidmatan. Tanggungjawab untuk mengadakan dan melaksanakan sistem kawalan dalaman yang berkesan seharusnya dipikul bersama oleh semua peringkat anggota di pasukan. Sungguhpun panduan dan tatacara pengurusan Tabung Perkhidmatan telah diwujudkan namun berdasarkan kes penyelewengan yang ada, timbul persoalan akan tahap kefahaman dan pengetahuan anggota Tentera Darat di dalam aspek-aspek kawalan dalaman.

Kajian ini dibuat untuk menilai tahap kefahaman pegawai tentera Darat dalam aspek kawalan dalaman. Ianya dibentuk berdasarkan kepada kajian dan model soal selidik oleh Duncan dan Stocks (2003). Soal selidik merangkumi faktor demografi dan empat kategori aspek aktiviti kawalan dalaman. Responden diminta untuk menilai kekuatan atau kelemahan sistem kawalan dalaman dalam setiap kategori. Data yang diperolehi daripada responden diproses menggunakan SPSS dan dianalisa secara deskriptif, ujian varian ANOVA, Scheffe dan ujian-*t* bagi melihat tahap kefahaman ke atas aspek kawalan dalaman berdasarkan perbezaan tempoh perkhidmatan, pangkat, kelayakan akademik dan penyertaan kursus perakaunan.

Hasil kajian menunjukkan majoriti pegawai TD mempunyai tahap kefahaman yang baik namun begitu terdapat perbezaan dalam keupayaan

pegawai Tentera Darat untuk menilai kekuatan dan kelemahan aspek kawalan dalaman. Kajian ini juga membincangkan implikasi kajian dan saranan bagi mempertingkatkan kefahaman pegawai TD ke atas aspek kawalan dalaman yang berkesan.